

17 APR 1997

Ting-Lanskap (Bergambar)

PEMAJU WAJIB SEDIA LANSKAP SELAMA ENAM BULAN

KAJANG, 17 April (Bernama) -- Setiap kawasan perumahan dikehendaki melaksanakan skim lanskap selama enam bulan sebelum Sijil Layak Diduduki (CF) dapat dikeluarkan, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Katanya untuk itu kementerian sedang merangka satu garis panduan lanskap penanaman pokok yang lebih khusus bagi memberi panduan mengenai keperluan minimum di setiap skim perumahan.

Katanya, garis panduan yang dijangka siap hujung tahun ini menekankan mengenai cara penanaman pokok, jenis pokok yang sesuai untuk ditanam di kawasan perumahan yang bersaiz terhad dan cara memeliharanya.

"Garis panduan baru ini dikhususkan untuk kawasan perumahan memandangkan panduan yang pernah dikeluarkan sebelum ini terlalu umum," katanya selepas merasmikan kempen menanam pokok anjuran Persatuan Pemaaju Perumahan Malaysia.

Ting berkata kempen yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Mac lepas membuktikan kesungguhan kerajaan mencapai sasaran untuk menanam tiga juta pokok menjelang tahun 2000.

"Baru-baru ini kerajaan telah mewajibkan aspek lanskap diambil kira dalam semua bentuk pembangunan di kawasan perumahan di samping memastikan setiap skim perumahan disediakan dengan pelan lanskap yang sewajarnya," kata beliau.

"Kerajaan ingin melihat taman-taman perumahan memberi lebih penekanan kepada unsur-unsur landskap sebagai menyambut usaha kerajaan menjadi Malaysia sebagai negara dalam taman menjelang tahun 2005," katanya.

Sebagai keperluan, satu unit rumah teres perlu ditanam dengan satu pokok manakala rumah berkembar dua pokok. Pihak penguasa tempatan akan mengambil alih usaha memeliharanya kelak, kata beliau.

Beliau juga meminta kerjasama dari persatuan-persatuan penduduk, rukun tetangga serta badan-badan bukan kerajaan di seluruh negara untuk tampil dan memberi bantuan serta sokongan kepada kempen itu.

"Sehingga kini beberapa pihak telah tampil termasuk Indah Water Konsortium (IWK) yang bersetuju untuk menyumbangkan baja kepada pihak-pihak yang berminat menjayakan usaha itu," katanya. -- BERNAMA

WNZ NMO